

<b>Headline</b>	<b>Ketum berkesan rawat pelbagai penyakit-Penyelidik</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>
<b>Page No</b>	<b>19</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>271 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Oleh AZHAR AHMAD</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 7,033</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 21,099</b>



## Ketum berkesan rawat pelbagai penyakit-Penyelidik

Oleh AZHAR AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Khasiat ekstrak daripada pokok ketum atau nama saintifiknya *mitragyna speciosa* mampu menjadi alternatif bagi merawat pelbagai penyakit termasuklah kencing manis serta meningkatkan tenaga.

Pegawai Penyelidik Program Sitokimia Bahagian Hasilan Semula jadi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Abd. Rashid Li berkata, khasiat ketum sebenarnya adalah lebih baik dalam bidang perubatan bertitik tolak daripada beberapa hasil kajian yang dilakukan sejak dua tahun lalu.

“Saya telah melakukan penyelidikan terhadap dua jenis variasi daun ketum iaitu urat merah dan daun ketum urat hijau.



RUSDI



ABD. RASHID

“Hasil penemuan tersebut, kita dapatti tiada kesan sampingan yang buruk daripada ekstrak air ketum tersebut sebaliknya ia berguna dalam mengubati pelbagai penyakit,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sebagai contoh, katanya, ekstrak daun ketum mampu menggantikan fungsi panadol yang lazimnya digunakan untuk mengubati demam dan sakit kepala termasuk urat sendi.

“Ia akan menjadi lebih

**Kerajaan sedia benarkan rakyat tanam pokok ketum**



KERATAN Kosmo! 17 Oktober 2018.

berkesan sekiranya penyelidikan mendalam dilakukan oleh pihak berwajib dengan sokongan kerajaan.

“Hal ini kerana negara seperti Jerman dan Amerika Syarikat telah mengambil satu langkah ke hadapan dengan penggunaan ketum sebagai perubatan.

“Saya harap kerjasama antara kerajaan serta agensi-agensi berkaitan dapat diteruskan supaya negara kita tidak ketinggalan dalam memanfaatkan herba yang ada di

<b>Headline</b>	<b>Ketum berkesan rawat pelbagai penyakit-Penyelidik</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>
<b>Page No</b>	<b>19</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>271 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>OlehAZHAR AHMAD</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 7,033</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 21,099</b>

sekeliling kita," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajian Sains Ketagihan, Universiti Malaya, Dr. Rusdi Abd. Rashid berkata, tanggapan yang salah terhadap kebaikan khasiat tumbuhan herba seperti pokok ketum menyebabkan Malaysia masih ketinggalan dalam penggunaannya dalam perubatan.

"Saya yakin sekiranya kajian secara saintifik dapat dilakukan untuk menghasilkan ubat-ubatan termasuklah methadone serta penyakit kronik yang lain.

"Kita memohon kerajaan untuk membuka lebih peluang dan memberikan sokongan dalam kajian untuk tujuan perubatan dan aspek lain yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat serta negara," jelasnya.



CONTOH pokok ketum yang terdapat di utara Semenanjung Malaysia.